



18 Mac 2022  
18 March 2022  
P.U. (A) 68

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PATEN (PINDAAN) 2022

### *PATENTS (AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PATEN 1983

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 87 Akta Paten 1983 [*Akta 291*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Paten 1986 [P.U. (A) 327/1986], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “*Warta*” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Jurnal Rasmi”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “menghantar” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “mengeluarkan”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “diposkan” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “dikeluarkan”;
- (d) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Board of Examiners” dan “board of Examiners” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Board of Examinations”;
- (e) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Lembaga Pemeriksa” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Lembaga Peperiksaan”; dan

- (f) dengan menggantikan perkataan "Ketua Setiausaha" di mana-mana juga terdapat dengan perkataan "Perbadanan".

### **Pindaan peraturan 2**

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

"(3) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, apa-apa permintaan bagi pemulangan fee yang dibayar kepada Pejabat Pendaftaran Paten hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis kepada Pendaftar;
- (b) dibuat dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan
- (c) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.".

### **Pindaan peraturan 3**

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "yang disebut dalam" dengan perkataan "Akta dan"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "Jadual II" dengan perkataan "arahan".

#### **Pindaan peraturan 4**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 4 dengan peraturan yang berikut:

“Tafsiran. 4. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“permohonan” ertinya sesuatu permohonan bagi pemberian paten dan “pemohon” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“tuntutan” ertinya suatu tuntutan bebas atau suatu tuntutan bersandar.”.

#### **Pindaan peraturan 5**

6. Perenggan 5(1)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “perihalan” perkataan “termasuk suatu senarai jujukan, jika ada”.

#### **Pindaan peraturan 5A**

7. Peraturan 5A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “tiga salinan” dengan perkataan “satu salinan, tetapi Pendaftar boleh menghendaki supaya permohonan antarabangsa difailkan lebih daripada satu salinan”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (2).

#### **Pindaan peraturan 7**

8. Subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atas Borang 1” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

### **Peraturan baharu 7A**

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 7 peraturan yang berikut:

"Permohonan  
bagi  
pemberian  
kebenaran  
bertulis.

7A. (1) Sesuatu permohonan bagi pemberian kebenaran bertulis di bawah subseksyen 23A(2) Akta hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan disertakan dengan—

(a) suatu pembayaran fee yang ditetapkan;  
dan

(b) suatu perihalan reka cipta untuk difailkan di luar Malaysia.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), perihalan itu hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.”.

### **Pindaan peraturan 10**

10. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “permintaan” perkataan “bagi pemberian paten di bawah subperaturan 7(1)”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “permintaan” perkataan “bagi pemberian paten di bawah subperaturan 7(1)”; dan